

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia

Tarikh : 09/07/2018

Edisi / Muka Surat : Nasional / 4

Tajuk : Angkasa mahu PM kekalkan portfolio koperasi

Angkasa mahu PM kekalkan portfolio koperasi

KUALA LANGAT 8 Julai - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) meminta Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengekalkan portfolio koperasi dalam kementerian yang akan dipertanggungjawabkan untuk menjaga sektor berkenaan.

Presidennya, Datuk Fattah Abdullah berkata, permintaan itu dibuat kerana wujud kebimbangan yang portfolio koperasi akan ditiadakan, selain belum ada kepastian lagi kementerian mana bakal diberikan bidang tugas oleh kerajaan Pakatan Harapan untuk menjaga koperasi.

"Kita nak perkataan koperasi itu mesti ada, kalau diletak di bawah kementerian sedia ada, mesti masukkan koperasi sebab dalam pengumuman barisan Kabinet, tidak disebut koperasi kerana ia dinamakan sebagai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kepenggunaan.

"Kalau pindah bawah kementerian baharu seperti Kementerian Pembangunan Kesahawanan, kita nak koperasi dimasukkan juga agar sektor ini diberi perhatian khusus oleh kerajaan," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi Pembangunan Kuala Langat di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Fattah berkata, langkah menggugurkan portfolio koperasi jika benar-benar berlaku bakal memberi isyarat negatif iaitu kerajaan Pakatan Harapan akan dilihat menganaktirikan sektor tersebut sedangkan ia merupakan salah satu bidang penggerak utama ekonomi negara.

Fattah bagaimanapun optimis yang kepimpinan baharu negara akan mengambil kira semua pandangan Angkasa kerana keanggotaan badan itu sahaja berjumlah lebih lapan juta ahli dengan bilangan koperasi berdaftar sahaja sebanyak 14,000 koperasi.



ABDUL FATTAH

Perustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA